

# Pemuda Umno desak rejim Zionis dihukum

**K**UALA LUMPUR: Pemuda Umno akan terus menyuarakan bantahan bersama pemuda di beberapa negara lain untuk mendesak Israel dibawa ke muka pengadilan, sekalipun jika wujud gencatan senjata di Lubnan dan Palestin.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata apa yang dilakukan Israel tidak boleh diterima, tidak berpelembagaan dan bercanggah dengan undang-undang antarabangsa.

“Walaupun selepas gencatan senjata berjaya diwujudkan, usaha akan diteruskan bagi mendesak supaya Israel dibawa ke muka pengadilan. Kita tekad tak akan berhenti mendesak supaya Israel diadili.

“Dengan itu sekurang-kurangnya generasi muda akan tahu dan tidak akan lupa betapa angkuh dan sombongnya Israel. Mungkin kita sudah

BH-5/8/2006

lupa kesengsaraan rakyat Afghanistan dan Iraq tetapi kita tidak mahu Israel terlepas begitu saja,” katanya selepas menyerahkan cek RM1 juta wang daripada beberapa tabung kutipan Pemuda Umno kepada Tabung Bantuan Asia Barat TV3, di sini semalam.

Cek itu disampaikan kepada Pengerah Operasi TV3, Anthony Firdaus Bujang. Turut hadir pada majlis itu ialah wakil Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI), Ariff Jamaluddin.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, akibat tindakan Israel terhadap Lubnan itu, kira-kira dua juta pelarian negara itu kini berada di Syria mencari perlindungan.

Sambil menyatakan wang RM1 juta untuk tabung itu diharap dapat menyemarakkan rakyat menghulurkan

sumbangan, beliau berkata, bantuan boleh diberi sama ada dalam bentuk wang ringgit, doa ataupun sokongan dengan bersatu suara menentang Israel.

Mengenai kempen Pemuda Barisan Nasional (BN) mendapatkan sokongan pemuda daripada beberapa negara bagi menyuarakan bantahan

“*Rakyat Lubnan perlu dibela. Jika tidak, Israel mungkin melihat sasaran lain pada masa depan*”

**Hishammuddin Hussein**  
Ketua Pergerakan Pemuda Umno

terhadap Israel, beliau berkata, Ketua Pemuda MIC, S Vigneswaran kini berada di Madras, India.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tiong Lai akan ke China esok dan Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Mah Siew Keong akan ke Filipina, untuk tujuan yang sama, pada Isnin ini.

Katanya, Exco Pemuda Umno, Datuk Pirdaus Ismail dan Ketua Biro Agama, Datuk Shamsul Najmi Shamsuddin pula akan ke beberapa negara Asia Barat termasuk Jordan dan Syria dalam masa terdekat.

Mengenai mesyuarat khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini kelmarin, beliau berkata, apa yang diputuskan oleh mesyuarat itu adalah satu keputusan yang ditunggu-tunggu selama ini.

Oleh Azman Zakaria